

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4

Petronas tidak hormati KEB'24?

# Petronas tidak hormati KEB'24?

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**TEMERLOH:** Dewan Perniagaan Bumiputera Felda Malaysia (DPBF) kesal dengan Petronas yang didakwa tidak melibatkan syarikat bumiputera bagi melaksanakan pemasangan sistem solar bermilai di 300 stesen minyak miliknya di seluruh negara.

Presiden DPBF, Datuk Mokhtar Mohd. Ghazali berkata, keputusan Petronas yang hanya melantik sebuah syarikat bukan bumiputera projek tersebut bertentangan dengan resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB'24).

Menurutnya, pelantikan syarikat itu menidakkannya agenda KEB'24 yang bertujuan mengangkat ekonomi Melayu dan bumiputera.

“Syarikat bumiputera tidak

dapat merasai kek ekonomi Petronas yang bernilai yang diangggar bernilai RM300 juta kerana kos bagi setiap stesen minyak kira kira RM1 juta bagi setiap satu projek.

“Banyak syarikat bumiputera berwibawa mampu melaksanakan projek ini jika diberi peluang tetapi dipandang sebelah mata oleh Petronas,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Mokhtar menyokong kenyataan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon yang menyatakan kekesalannya terhadap Petronas yang melantik syarikat bukan bumiputera bagi pemasangan sistem solar di 300 stesen minyaknya.

Merurutnya, syarikat bumiputera secara umumnya mengharapkan GLC seperti Petronas untuk mendapatkan kontrak kerja bagi menikmati kek ekonomi ne-

gara.

Tegas beliau, Petronas yang membawa aspirasi kerajaan sepertinya turut memberikan peluang dan ruang kepada syarikat bumiputera yang mempunyai kemahiran serta kepakaran dalam industri penjanaan tenaga suria untuk turut terlibat dalam projek ini.

Tegas beliau, jika inilah amalan Petronas yang tidak menghayati hasrat murni pengasas Petronas untuk memakmur ekonomi Melayu/bumiputera matlamat melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) hanya tinggal di atas kertas.

“Sudah tiba masanya pemimpin Melayu dalam kerajaan melihat dengan serius urus tadbir Petronas secara menyeluruh demi masa depan syarikat Melayu/bumiputera,” katanya.